

BAB 2

TEORI DAN FUNGSI KOMUNIKASI

2.1 Takrif Komunikasi

Perkataan komunikasi diterjemahkan daripada istilah Inggeris “*communication*” yang berasal daripada istilah Latin, iaitu “*communicare*” yang membawa maksud mewujudkan persamaan atau “*to make common*”. Perkataan “*communis*” pula bererti milik bersama. Berdasarkan pengertian asas komunikasi, perkataan “komunikasi” menekankan kegiatan manusia secara individu atau kelompok serta sifat ingin mempengaruhi orang lain.

2.2 Fungsi Komunikasi

Munurut Schramm (1971),¹ komunikasi berperanan seperti yang berikut:

- a) Memberitahu,
- b) Mendidik,
- c) Memujuk, dan
- d) Menghibur.

a) Fungsi Memberitahu

Fungsi memberitahu menumpukan perhatian kepada penyampaian. Tujuannya adalah untuk memberitahu orang lain tentang sesuatu maklumat atau perkara yang dirasakan oleh penyampai. Untuk memastikan keberkesanan komunikasi, penyampai atau komunikator perlulah menggunakan strategi penyebaran maklumat sebanyak atau sekirap mungkin.

b) Fungsi Mendidik

Fungsi mendidik mementingkan kedua-dua pihak penyampai dan penerima maklumat untuk memastikan fungsi tersebut tercapai. Fungsi ini bukan semata-mata untuk mempengaruhi sikap atau tingkah laku orang lain, tetapi tugas utama penyampai adalah “sekadar memberikan maklumat” agar dapat menambahkan pengetahuan seseorang itu tentang sesuatu perkara, dengan harapan agar seseorang individu akan terpengaruh dengan pendapat dan sikap seperti yang disarankan dalam jangka masa panjang. Keberkesanan dan kejayaan fungsi ini bergantung kepada sejauh manakah seseorang itu merasai bahawa pengetahuannya bertambah akibat pendedahan terhadap maklumat yang diterimanya.

C) Fungsi Memujuk

Fungsi memujuk bertujuan mempengaruhi dan mengubah sikap dan tingkah laku penerima. Untuk mencapai kesan tersebut, penggunaan komunikasi tidak terbatas kepada penyebaran maklumat tetapi haruslah dapat menembusi perasaan dan emosi individu ataupun kumpulan yang menjadi sasaran maklumat.

d) Fungsi Menghibur

Fungsi menghibur tercapai apabila seseorang itu dapat “melapangkan fikirannya”. Antara bentuk komunikasi yang lazim digunakan untuk menghibur termasuklah wayang gambar, fotograf, lukisan, drama, persembahan serta rancangan hiburan siaran radio dan televisyen. Oleh kerana bentuk hiburan ini amat digemari, lazimnya unsur pendidikan, pemujukan dan penerangan akan diselitkan. Pada hakikatnya, sesuatu proses komunikasi itu melibatkan pelbagai fungsi komunikasi untuk menimbulkan kesan yang lebih menyeluruh.

2.3 Falsafah Buddhisme Dan Teori Komunikasi

Dalam membincangkan falsafah Buddhisme dan teori komunikasi, konsep komunikasi bersepada dalam dharma Nichiren dipraktis menerusi aktiviti SGM. Di samping itu, pemikiran “revolusi manusia” yang ditekankan oleh Daisaku Ikeda juga mendarangkan impak positif terhadap ahli SGM. Setiap interaksi dalam aktiviti SGM akan mencetuskan kesan interaksi yang lain. Melalui aktiviti-aktiviti SGM, prinsip kehidupan SGM yang berlandaskan falsafah Buddisme telah menarik perhatian ahlinya dan seterusnya ahli-ahlinya bersedia membentuk kehidupan yang lebih bermakna.

Pada hakikatnya, dalam sesuatu proses komunikasi, setiap individu akan memproses maklumat yang diterimanya berdasarkan persekitaran dan pengalaman masa lampau. Sungguhpun dalam proses komunikasi hasrat untuk mewujudkan orientasi kerjasama menjadi rumit disebabkan oleh perbezaan persekitaran setiap individu SGM dari segi budaya, sikap, pendidikan, nilai dan adat resam, namun berasaskan iman, setiap individu SGM dapat menilai sesuatu maklumat dan bertindak terhadap maklumat yang diterimanya. Mereka akan berusaha mencari maklumat dari ajaran Buddha dan menggunakannya sebagai panduan hidup bagi mengatasi permasalahan yang dihadapi sama ada secara persendirian ataupun secara kelompok.

Komunikasi dalam ertikata SGM bukan sekadar memberi maklumat agar dapat menambahkan kefahaman seseorang dari segi ajarannya, tetapi bertujuan mempengaruhi serta mengubah sikap dan tingkah laku seseorang.

2.4 “Komunikasi Bersepadu” Saranan Soka Gakkai

Soka Gakkai melihat komunikasi sebagai penyampaian maklumat. Dalam komunikasi, ajaran dharma Nichiren dan visi Daisaku Ikeda perlu dipapar, dan disebarluaskan sebagai butiran maklumat. Ahli SGM dimaklumkan tentang ajaran dan visi tersebut hasil daripada proses komunikasi gaya bermaklumat. Ini mencakupi gaya komunikasi yang bersifat objektif yang menekankan objektiviti, keselarasan, dan persetujuan komuniti.

Dalam proses komunikasi sedemikian, penerima mempelajari sesuatu bukan sekadar berbentuk fakta sahaja, tetapi ia lebih memahami sifat realiti dalam sesuatu situasi. Ahli SGM yang menceburi diri dalam sebarang aktiviti SGM di samping memiliki maklumat, mereka juga menerima pengajaran dan didikan kerana komunikasi jenis ini menegakkan ilmu pengetahuan dan kebenaran.

Komunikasi yang disarankan oleh Soka Gakkai, yang membawa kepada persefahaman di antara manusia, digelar sebagai “komunikasi bersepadu” yang menekankan komunikasi sebagai pembentukan kefahaman. Istilah “kefahaman” di sini bermaksud mengurus diri sendiri dan mengubah nilai diri. “Nilai” dalam konteks ini merujuk kepada bimbingan kelakuan dan kehidupan seseorang di samping menentukan tindakan, hala tuju dan matlamat hidup seseorang. Ia merupakan konsep asas dalam pentakrifan pandangan metafizikal ontologi atau orientasi seseorang.

Komunikasi bersepadu SGM menekankan kefahaman secara objektif, mendalam dan menyeluruh atau bersepadu. Oleh yang demikian, kefahaman yang

dimaksudkan SGM itu mampu menyatukan konsep dengan realiti objektif di samping memperlihatkan isi kandungan yang benar.

Sejak sepuluh tahun kebelakangan ini, SGM menitikberatkan nilai harga diri dan keadilan, berusaha menggalak dan menyebarluaskan kebudayaan, pendidikan dan keamanan demi mencipta nilai tertinggi serta mencapai kebahagiaan hidup. Kejayaan menyampaikan ajaran dan falsafah SGM bergantung kepada komunikasi yang bermatlamatkan “untuk kebahagian manusia”.² Secara aktif, SGM telah melaksanakan aktiviti kebajikan masyarakat, menanam benih sifat penyayang, dan memberikan sumbangan sebaik mungkin kepada manusia yang kurang bernasib baik. Berdasarkan konsep “ideologi manusia”, “ideologi keamanan”, “ideologi kebudayaan” dan “ideologi pendidikan”, SGM telah bergiat menggalak dan menyebarluaskan aktiviti keamanan, kebudayaan, dan pendidikan.

Setiap kegiatan SGM memperlihatkan manifestasi tiga aspek utama yang menjadi dorongan kepada setiap aktiviti yang dilakukan oleh ahli-ahlinya, iaitu sumbangan ke arah keamanan, sumbangan ka arah memperkayakan kebudayaan, dan keupayaan meningkatkan taraf pendidikan di kalangan ahli SGM. Segala aktiviti yang dijalankan oleh SGM memaparkan asas teori “Pemikiran Pengajian Manusia”. Manakala pemikiran “Revolusi Manusia” merupakan kempen fahaman tentang budaya, agama dan seumpamanya. Jadi, komunikasi bersepadu dianggap sebagai cara interaksi yang terpenting untuk memelihara keharmonian.

Nota Kaki

1. W. Schramm, "The Nature of Communication Between Humans" , dalam *The Process and Effect of Mass Communication*, (Urbana : University of Illinois Press, 1971), hlm 27.
2. *Cosmic*, Keluaran Disember, 1995.